

19 JUN 1998

Annuar-Pemuda

SYARIKAT BESAR JUGA PERLU DISELAMAT DALAM KEGAWATAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Syarikat besar perlu juga dibantu bersama-sama syarikat kecil dalam kegawatan ekonomi sekarang kerana sumbangan besarnya kepada pembangunan negara, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa hari ini.

Katanya saranan Pergerakan Pemuda Umno semalam supaya syarikat besar dibiarkan sebaliknya kerajaan harus menumpukan kepada menyelamatkan syarikat kecil adalah langkah yang boleh merugikan negara.

"Syarikat besar membayar cukai yang banyak kepada negara. Jika satu syarikat mencatat untung RM300 juta, sebanyak 30 peratus darinya dibayar kepada kerajaan sebagai cukai," katanya kepada pemberita di ruang legar Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Annuar berkata jumlah itu sudah mencukupi untuk membiayai projek-projek Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang dilaksanakan oleh kementeriannya.

"Ini baru hasil kepada kerajaan dalam bentuk cukai belum lagi sumbangan lain seperti peluang pekerjaan yang disediakan untuk rakyat menerusi projek-projek berkenaan," katanya.

Annuar juga berkata Pemuda UMNO tidak seharusnya menimbulkan soal nepotisme dan kronisme jika ia tidak mempunyai bukti yang kukuh.

"Saya tidak terpegun dengan cara pemuda bercakap pasal isu kronisme, nepotisme tanpa mengemukakan bukti tetapi sebaliknya menuduh golongan korporat lupa diri bila sudah berjaya," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan mencabar Datuk Ahmad Zahid Hamidi untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda tahun depan, Annuar berkata beliau akan membuat keputusan apabila tiba waktunya.

Katanya, tumpuan seluruh ahli UMNO sekarang seharusnya membantu Presiden Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulihkan ekonomi negara dan bukannya memikirkan soal jawatan dalam parti.

--BERNAMA

MT WAT